

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK KAMARUL BAHRIN BIN A. KASIM
KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2020**

**PADA
18 MEI 2020 (ISNIN)**

Bismillahirahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersiaran secara langsung di atas talian pada hari ini. Apa khabar semua warga muzium? Diharapkan semua warga muzium di dalam keadaan yang baik. Seperti kita sedia maklum, penularan wabak COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia telah mengubah amalan hidup kita daripada norma lama kepada norma baharu. Ayuh kita bersama-sama menjalankan tanggungjawab sosial dan kawalan kendiri untuk memerangi penularan wabak COVID -19 sehingga ke tahap yang terkawal. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua umat islam di Malaysia. Rebutlah peluang ini bersama keluarga di rumah untuk sama-sama menghayati peristiwa bermakna ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

2. Hari ini tanggal 18 Mei merupakan hari yang telah diresolusikan, pada 43 tahun yang lalu di persidangan Majlis Muzium Antarabangsa atau International Council of Museum (ICOM) ke-12 sebagai Hari Muzium Antarabangsa untuk menghargai usaha dan

dedikasi komuniti muzium di dalam pembangunan masyarakat bagi memastikan muzium terus berkembang dan relevan sepanjang zaman. Perayaan ini telah disambut diseluruh dunia oleh komuniti muzium dengan pelbagai program dan aktiviti yang menarik untuk warga kerja muzium dan pengunjung. Menurut International Council of Museum (ICOM), pada tahun lalu sahaja Sambutan Hari Muzium telah disertai 55,000 muzium dari 150 negara. Peningkatan penyertaan yang menggalakkan saban tahun menunjukkan betapa penting muzium sebagai pusat perkongsian dan percambahan ilmu yang menjadi pemangkin pembangunan masyarakat. Bertemakan (*Masukkan English*) “**Muzium untuk Kesaksamaan: Kepelbagaian dan Keterangkuman**”, muzium dijadikan titik pertemuan pelbagai pihak dengan pelbagai latar belakang untuk meraikan kepelbagaian perspektif yang membentuk komuniti dan muzium itu sendiri. Institusi ini menjadi medium yang berkesan untuk mengidentifikasi dan menghapus prasangka melalui pameran dan penceritaan yang disampaikan. Muzium berpotensi menciptakan suasana yang lebih baik untuk pelbagai golongan yang berbeza asal-usul dan latar belakang. Keterangkuman di muzium mampu menambah nilai sosial di dalam masyarakat untuk saling hidup harmoni.

Tuan-tuan dan puan -puan yang dirahmati,

- 4 Jabatan Muzium Malaysia mengambil cakna berhubung penularan COVID-19 dan sentiasa mengambil langkah prevensi seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) .

Pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk mengawal penularan wabak ini, telah memberi impak kepada aktiviti dan program di muzium. Premis-premis muzium ditutup untuk kunjungan orang ramai sepanjang perintah ini dilaksanakan. Namun begitu, aspek lain pemuziuman seperti kerja-kerja kurasi dan pentadbiran masih berjalan seperti biasa berpandukan prosedur operasi standard yang telah ditetapkan. Perbincangan diperingkat jabatan dan agensi telah memutuskan sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kali ke-24 di Pulau Pinang pada tahun ini dibatalkan dengan mengambil kira faktor keselamatan warga kerja muzium dan pengunjung. Ia juga selaras dengan saranan dari YAB Perdana Menteri Malaysia supaya semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (mass gathering) ditangguhkan bagi mencegah penularan COVID-19 berlaku. Namun begitu, muzium-muzium disaran menggunakan kemudahan teknologi yang tersedia dengan mempelbagaikan dan memperkaya program-program dan aktiviti atas talian agar sentiasa kekal berhubung dengan masyarakat umum dan kekal relevan sebagai medan perkongsian ilmu. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis, Pulau Pinang selaku tuan rumah dan semua jawatankuasa Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 di atas segala persiapan dan perancangan yang telah dilakukan. Diharapkan keadaan akan kembali pulih seperti sediakala dan dapat

kita meraikan sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada tahun hadapan.

Semoga muzium di Malaysia akan terus memainkan peranan sebagai sebuah institusi yang mengekalkan integriti, fakta, tanggungjawab terhadap koleksi, memulihara warisan negara dan berterusan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada orang ramai.

Moga semua insitusi terus kreatif menjalankan tanggungjawab mereka sepanjang PKP dilangsungkan dan sama-sama kita menjaga keselamatan pekerja dan pengunjung-pengunjung di masa sekarang dan akan datang.

Akhir kata, “Selamat menyambut Hari Muzium Antarabangsa 2020”.

Sekian Terima Kasih

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamuálaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.